

# Hilang pendengaran satu keistimewaan

→ Amni Salma nikmati dunia sunyi ketika bersendirian, gunakan alat pendengaran bila perlu

Oleh Nasuha Badrul Huzain  
nosuha@bh.com.my

**D**isahkan hilang upaya pendengaran pada usia lapan tahun, mengubah dunia Amni Salma Abu Osman. Jika sebelum ini, dia bebas ke sana sini, tetapi selepas disahkan hilang deria itu, beliau perlu bergantung kepada alat bantu mendengar hidup.

Wanita yang kini menginjak usia 31 tahun

itu berhadapan pelbagai kesukaran sepanjang bergelar pelajar dan kini, bertugas sebagai kakitangan kerajaan.

Bagaimanapun, banyak likatib dapat diambil daripada kegigihan dan sentiasa positif tidak malu mengakui kekurangan diri.

Baginya dengan berterus terang mengenai kekurangan dalam pendengaran, keadaan orang di sekelilingnya lebih memahami kesukaran yang harus ditempuhi.

## Disangka nakal, degil

Menceritakan kembali luku kehidupannya, Amni Salma berkata, beliau sememangnya seorang gadis yang pendiam sejak kecil.

Emak mula menyedari ada sesuatu tidak kena padanya. Sering kali beliau tidak memberikan maklum balas atau menyahut panggilan. Sehingga beliau dianggap sebagai anak degil dan nakal kerana tidak endah apabila dipanggil.

Prestasi pelajaran merosot setiap tahun. Emak membuat keputusan membawanya

menjalani pemeriksaan lanjut. Ujian mendapati beliau mengalami masalah pendengaran dan hanya boleh mendengar bunyi sehingga 70-80 desibel saja.

Amni Salma ketika ditemu di Cheras, Kuala Lumpur, baru-baru ini, berkata keadaan itu menyebabkan beliau terpaksa memakai alat bantuan mendengar. Keadaan itu menjadikan dia rimas. "Saya berkeras enggan menggunakan alat itu, keadaan ini menyebabkan saya langsung tidak boleh mendengar dan memberi kesan kepada pertuturan serta menjadi pelat."

"Saya sering tidak hadir ke sekolah kerana merasakan apa yang disampaikan tidak boleh dimanfaatkan."

"Lebih menyedihkan apabila kekurangan itu menjadi bahan ejekan rakan di sekolah dan mengganggu emosi," katanya.

Amni Salma memakai alat bantu pendengaran jenis analog sejak tahun 1994 sehingga 2009 sebelum bertukar kepada jenis

digital sehingga kini.

## Belajar hingga peringkat sarjana

Walaupun mengalami kesukaran belajar, kekurangan itu tidak mematahkan semangat Amni Salma meneruskan pengajian. Dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, beliau memperoleh 1A. Beliau mengambil keputusan menyambung pelajaran di peringkat diploma di sebuah kolej di Terengganu dalam bidang pengurusan sumber manusia.

Iwanya kuat menguasai ilmu yang bertujuan membantu Orang Kelainan Upaya (OKU) sepertinya mendapat kerja.

Selepas menamatkan pengajian di peringkat diploma, beliau tidak menoleh lagi dan terus menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang kaunseling.

"Saya berkesempatan mendapat Anugerah Dekan dua kali dan tahap keyakinan semakin meningkat," katanya.

■ Saya berkeras enggan menggunakan alat itu, keadaan ini menyebabkan saya langsung tidak boleh mendengar dan memberi kesan kepada pertuturan serta menjadi pelat

Amni Salma Abu Osman



## Info

### Kajian kes

- Data National Institute of Health Amerika Syarikat mendapati tiga daripada 1,000 kanak-kanak yang lahir di sana berhadapan risiko mengalami masalah pendengaran.
- Setiap bayi perlu menjalani ujian imbasan bagi mengesan gejala lebih awal.
- Masalah pendengaran jejukan perkembangan pertuturan dan penguasaan bahasa.
- Banyak kes gangguan pendengaran tidak dapat dikesan sehingga anak berusia dua tahun.

### Tanda awal gangguan pendengaran

- Tidak ada tindak balas ketika disapa
- Emosi tidak stabil tanpa sebab
- Sering marah, lesu
- Tidak memahami arahan
- Sering demam



## Cabaran getir ketika bekerja

### Info

### Amni Salma

- Memakai alat bantu pendengaran jenis analog sejak tahun 1994 sehingga 2009 sebelum bertukar kepada jenis digital sehingga kini.
- Lulus pengajian peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia

Beliau yang kini bertugas sebagai pegawai kaunseling di Hospital Banting, berkata cabaran yang dihadapi ketika bekerja lebih besar.

Selepas memasuki alam pekerjaan, perla berinteraksi dengan lebih ramai orang. Malah perlu menghadiri mesyuarat dan perjumpaan dengan pihak atasan.

"Saya akui keadaan itu ada kalanya sukar kerana masih cuba belajar mendengar. Bila rakan bercakap laju, saya tidak dapat memahami apa yang diperkatakan. Saya perlu berusaha memahami mesej yang hendak disampaikan," katanya.

### Anggap diri unik

Apa yang menarik mengenai

wanita ini, dia tidak pernah memandang kekurangan yang dialami sebagai satu kecacatan, sebaliknya menganggap satu keistimewaan.

"Ibaratnya, saya hidup dalam dua dunia. Dunia boleh mendengar apabila memakai alat bantu pendengaran dan dunia sunyi tanpa memakainya."

"Ini memberi kelebihan terutamanya apabila berhadapan solat, saya menanggalkan alat berkenaan dan membantu untuk lebih khusyuk."

"Apabila berhadapan tekanan dan mahu menenangkan diri, saya tidak memakai alat berkenaan. Ini adalah sesuatu yang tidak boleh dilakukan oleh orang normal," katanya.

